

Tiga pelan impak besar pertanian

MUAR: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan memberi tumpuan kepada tiga pelan impak besar iaitu pertanian secara kontrak, akuakultur dan penternakan menggunakan kaedah feedlot dalam membangunkan sektor pertanian negara.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata pelan itu sudah diluluskan kerajaan dan diletakkan di bawah jawatankuasa khas dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, Perdana Menteri sendiri bersetuju ketiga-tiga projek itu mampu memberikan impak besar terhadap sektor pertanian negara selain mengarahkannya dilaksanakan segera.

"Tiga pelan impak besar itu dirancang dengan teliti dan akan dilaksanakan sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Perkhemahan

'Smart Solat' dan 'Golden Heart' di Kampung Semaseh, Panchor dekat sini, semalam.

Untuk pertanian secara kontrak, kawasan seluas 30,000 hektar tanah dikenal pasti di seluruh negara untuk projek pertanian dengan kerjasama syarikat pembeli termasuk rangkaian pasar raya, bagi memastikan produk dihasilkan mendapat pasaran.

Beliau berkata, kira-kira 15,000 pe-

FAKTA NOMBOR

Sektor pertanian

15,000

Petani dalam pertanian kontrak

RM6b

Peningkatan hasil pengeluaran berasaskan akuakultur setahun

tani dijangka terbabit dalam pertanian secara kontrak yang dimulakan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) sejak tahun lalu.

"Menerusi pertanian secara kontrak, produk hasil pertanian itu akan dipasarkan pada harga lebih baik kerana ia mendapat jaminan pasaran, sekali gus menjadikan pendapatan petani lebih stabil," katanya.

Bagi akuakultur, Muhyiddin berkata, kerajaan sudah mengenal pasti kawasan seluas lebih 56,000 hektar sebagai tapak projek ternakan ikan dan udang.

Katanya, projek itu membabitkan kerjasama kerajaan negeri untuk menyediakan tapak bagi pelaksanaan projek berkenaan.

Beliau berkata, perkara itu akan dibincangkan lanjut dalam mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri, bulan depan, bagi mendapatkan sokongan mereka.

Katanya, menerusi projek akuakultur itu, kerajaan berharap dapat

meningkatkan hasil pengeluaran makanan berasaskan akuakultur sebanyak RM6 bilion setahun selain menerima pelaburan swasta sebanyak RM3 bilion.

"Kerajaan juga membelanjakan RM1 bilion untuk menyediakan kemudahan infrastruktur bagi tujuan itu," katanya.

Bagi projek ternakan secara feedlot, ia dijangka dapat menambah bekalan keperluan daging negara daripada 23 peratus sekarang kepada 37 peratus dalam tempoh lima tahun.

Beliau berkata, langkah itu juga dijangka dapat mengurangkan import daging yang sebelum ini berjumlah kira-kira RM2 bilion setahun.

Katanya, tapak seluas 2,000 hektar di Negeri Sembilan dikenali sebagai Lembah Daging diwujudkan menerusi kerjasama sebuah syarikat utama dan empat syarikat sokongan.

Oleh Junita Mat Rasid